



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN**

**YB TAN SRI TPr ANNUAR HJ MUSA  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PELANCARAN  
BLUEPRINT BANDAR PINTAR WILAYAH  
PERSEKUTUAN 2030  
(MySMART WILAYAH 2030)**

**8 APRIL 2021 (KHAMIS)  
10.00 PAGI**

**DEWAN SERBAGUNA  
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izinNya dapat kita berkumpul di Dewan Serbaguna, Kementerian Wilayah Persekutuan pada hari yang penuh bersejarah ini bersempena dengan **Pelancaran Blueprint Bandar Pintar Wilayah Persekutuan 2030** atau lebih dikenali sebagai **MySmart Wilayah 2030**.

## **PEMBANGUNAN BANDAR PINTAR DI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**YBhg. Datuk Seri, Datuk-Datuk, Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin sekalian**

2. **Bandar Pintar** atau **Smart City** merupakan sebuah bandar yang mengaplikasikan pelbagai teknologi dan maklumat elektronik dalam menguruskan dan melaksanakan pembangunan perbandaran secara cekap, efisien dan sistematik. Ia dibangunkan secara integrasi dengan keperluan bandar selamat, kesejahteraan dan keharmonian masyarakat selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat.
3. Di peringkat antarabangsa, agenda Bandar Pintar telah diterjemah menerusi **Sustainable Development Goals (SDGs)** dan **New Urban Agenda (NUA)**. Terdapat **11 matlamat** daripada 17 matlamat SDGs yang berkait rapat dengan Bandar Pintar antaranya seperti **Matlamat 3: Good Health and Well-Being**, **Matlamat 7: Affordable and Clean Energy** dan **Matlamat 11: Sustainable Cities and**

**Communities.** Manakala NUA pula memberi tumpuan kepada **peranan dan potensi teknologi, digitalisasi dan inovasi** dalam membangunkan bandar yang mempunyai **persekitaran yang bersih, pertumbuhan ekonomi yang mampan dan sistem penyampaian yang berkesan.**

4. Kerajaan Malaysia turut memberi penekanan kepada perancangan dan pelaksanaan Bandar Pintar menerusi **Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030)**, **Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT)**, **Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN3)**, **Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2)**, **Dasar Industri 4.0 Kebangsaan (Industry 4RWD)** dan lain-lain lagi. Agenda Bandar Pintar ini telah **diformulasikan mengikut acuan negara sendiri** dan saya percaya Kerajaan sentiasa menggalakkan semua Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menghasilkan idea, kreativiti dan inovasi yang unik dan tersendiri yang mana matlamatnya adalah untuk menjadikan bandar yang dapat menyediakan perkhidmatan perbandaran dan pembangunan yang cekap, berkesan dan mampan.

**PENYEDIAAN BLUEPRINT BANDAR PINTAR WILAYAH PERSEKUTUAN 2030 (MYSMART WILAYAH 2030)**

**YBhg. Datuk Seri, Datuk-Datuk, Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin sekalian**

5. Wilayah Persekutuan sentiasa menyahut cabaran dalam memastikan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan terjamin dan terperlihara. Ketetapan Kementerian Wilayah Persekutuan untuk

menyediakan Blueprint Bandar Pintar Wilayah Persekutuan 2030 ataupun MySmart Wilayah 2030 ini merupakan sebuah panduan dasar (*guiding policy*) selari dengan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) dan MyDigital Economy Blueprint. Melihat kepada aspek lain, ia turut menterjemahkan hasrat Wilayah Prihatin yang mengandungi 13 cakna utama yang memayungi dasar, program dan perkhidmatan yang dilaksanakan di Wilayah Persekutuan sekaligus elemen *ease of doing business, sustainability, persaingan ekonomi* yang kukuh serta pembangunan infrastruktur yang mampan dapat diterapkan.

6. Hal ini turut bertepatan dengan Iapan (8) teras Pelan Strategik Kementerian Wilayah Persekutuan dan Wilayah Prihatin yang sentiasa menjadi nadi kepada pembangunan Wilayah Persekutuan khususnya Bandar Pintar yang mana kesannya akan dinikmati oleh semua pihak. Saya percaya MySmart Wilayah 2030 ini turut memberikan kesan positif terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat daripada aspek keselamatan, Pendidikan, kesihatan, alam sekitar yang bersih dan komuniti pintar.
7. Pasca Covid-19 telah memberi sedikit sebanyak kesan terhadap ekonomi negara dan rakyat khususnya golongan B40. Melihatkan kepada penyediaan MySmart Wilayah 2030 ini, saya percaya ekonomi rakyat dapat dipulihkan dengan segera melalui kolaborasi antara *industry players* dan *stake holders* dalam menyediakan suasana ekonomi digital dan atas talian (online) yang stabil untuk dinikmati oleh golongan yang berkepentingan seperti *startups, entrepreneurs, innovators* dan pengguna.

8. Biarpun MySmart Wilayah 2030 ini adalah bersifat dasar di peringkat Wilayah Persekutuan, manifestasinya akan dizahirkan melalui pelbagai tindakan yang dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah KWP seperti DBKL, PPj, PL, MSWP, PKB, PTG WP dan Mahkamah Anak Negeri. Sungguhpun begitu, saya percaya bahawa terutamanya DBKL, PPj dan PL selaku Pihak Berkuasa Tempatan telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan program di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

### **INISIATIF PINTAR DI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**YBhg. Datuk Seri, Datuk-Datuk, Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin sekalian**

9. Sebagai makluman semua hadirin, terdapat banyak inisiatif Bandar Pintar yang telah dilaksanakan di Wilayah Persekutuan. Contohnya dari aspek Keselamatan: di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, kita telah menyediakan *Comand Center* dan CCTV yang diletakkan di sekitar bandar, taman rekreasi dan Kawasan-kawasan yang dikategorikan sebagai *hot spot*. Di Kuala Lumpur contohnya, kita telah mensasarkan 5,000 CCTV untuk kegunaan trafik dan keselamatan yang mempunyai teknologi pengecaman wajah (*face recognition*) bagi mengesan pelaku jenayah di sesebuah Kawasan.
10. Dari aspek mobiliti, pelaksanaan *Integrated Transport Intelligent System* (ITIS) di Kuala Lumpur telah memastikan lalu lintas di Kuala Lumpur terkawal manakala di Putrajaya pula, saya dapat melihat pengujian terhadap teknologi *autonomous vehicle* dan *electric vehicle* sedang dilaksanakan bersama-sama agensi kerajaan lain. Tambahan lagi, laluan khas basikal telah pun disediakan sebagai

salah satu inisiatif Bandar Pintar di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan ini.

11. Selain itu, rakyat telah pun menikmati pelbagai Kemudahan Pintar yang disediakan seperti *cashless payment* di kebanyakan pasar raya utama, perkhidmatan atas talian untuk membayar cukai pintu, perkhidmatan Wifi percuma dan pelbagai lagi. Banyak lagi kemudahan berkonsepkan pintar akan ditambah baik dari masa ke masa demi memudahkan urusan rakyat dan meningkatkan kualiti kehidupan rakyat.

### **TINDAKAN DAN KERJASAMA AGENSI**

#### **YBhg. Datuk Seri, Datuk-Datuk, Tuan-tuan, Puan-puan dan hadirin sekalian**

12. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan MySmart Wilayah 2030. Terima kasih terutamanya diucapkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui agensinya PLANMalaysia yang telah memberi kerjasama tidak berbelah bahagi dalam menyediakan MySmart Wilayah 2030 ini dengan jayanya. Semoga kerjasama ini tidak terhenti di sini sahaja dan dapat diteruskan lagi.
13. Selain itu, tahniah diucapkan kepada Bahagian Perbandaran dan Khidmat Teknikal, KWP dan Unit Smart City di DBK, PPj dan PL kerana telah berjaya menghasilkan MySmart Wilayah 2030. Apa yang diharapkan pembangunan Bandar Pintar yang dirancang ini

dapat dizahirkan dengan baik dalam usaha memastikan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan bertaraf *World Class Cities*.

14. Semoga amanah ini dapat digalas dengan baik, terutamanya dalam usaha Kerajaan untuk memulihkan semula segala aspek kehidupan rakyat akibat pandemik Covid19 yang melanda. Komitmen ini haruslah bergerak seiring dengan keperluan rakyat dan memastikan masalah perbandaran dapat diatasi secara pintar dan berkesan.
15. Akhir kata, marilah kita bersama-sama mengembang tenaga untuk bergerak maju ke hadapan dalam menjayakan pembangunan Bandar Pintar di Wilayah Persekutuan ini. Tidak akan berjaya sesuatu perkara itu jika elemen sumber manusianya tidak dilibatkan secara menyeluruh dan holistik tanpa mengira usia, pangkat maupun status.
16. Dengan lafaz “Bismillahirrahmanirrahim” saya melancarkan **Blueprint Bandar Pintar Wilayah Persekutuan 2030 ataupun MySmart Wilayah 2030**.

**Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah... Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**